

22 APR 2002
MISC-SAUDI/I
MISC TUBUH USAHA SAMA DENGAN SYARIKAT SAUDI

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC), telah bergabung dengan syarikat Arab Saudi, Bakri Navigation Co Ltd (BNC), untuk menubuhkan syarikat usahasama 50-50 yang akan membolehkan kedua-dua syarikat mengembangka selanjutnya ke dalam pasaran perkapalan global.

Perjanjian bagi penubuhkan syarikat usaha sama itu ditanda tangani di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pembukaan pejabat Petronas Bahrain, semalam.

Di dalam satu kenyataan di sini hari ini, MISC yang merupakan anak syarikat Petronas, berkata bahawa syarikat usaha sama itu akan membabitkan pemilikan, pengurusan, pemasaran dan operasi perniagaan pengangkutan maritim dan berkaitan perkapalan.

Katanya bahawa bagi permulaan, syarikat usaha sama itu akan membina, memiliki dan mengendalikan kapal-kapal pengangkut kimia bagi menyediakan perkhidmatan kepada pengeluar petrokimia Timur Tengah yang terkemuka dan sewaan jangka panjang.

Kapal-kapal itu, yang kini sedang dibina di Korea, dijangka berada di dalam perkhidmatan tahun depan.

MISC juga berakta syarikat usaha sama itu kini mengusahakan peluang-peluang perniagaan untuk lebih banyak kapal pengangkut kimia.

Usaha sama itu juga akan menyaksikan penubuhan pejabat serantau MISC di Bahrain untuk menerajui perkembangan seterusnya dalam sektor perniagaan pengangkutan berkaitan tenaga.

Pejabat serantau itu akan ditempatkan di pejabat Petronas Bahrain yang baru dibuka.

Kumpulan Syarikat-syarikat Bakri adalah kumpulan milik persendirian Saudi dengan aktiviti utama membabitkan bekalan, perkapalan, pembaikan kapal, operasi pelabuhan, simpanan dan perdagangan.

Selain daripada Arab Saudi, aktiviti-aktiviti kumpulan Bakri bertebaran di Mesir, Sudan, Jordan, Kuwait, Emeriah Arab Bersatu, Oman, Yemen, Kenya, Pakistan, India, Bangladesh, China dan Singaprua.

BNC kini mempunyai sekumpulan 16 buah kapal kimia dan keluaran, tiga bot tunda simpanan terapung, 18 kapal bekalan/utiliti dan operasi limbungan kapal di dua lokasi di Arab Saudi.

Dr Mahathir turut hadir pada upacara pemeteraian kedua berkaitan dengan memorandum kerjasama antara Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd (MSE), dan syarikat sekutu MISC, dan Bakri International Energy Co.

Memorandum itu akan menjadi landasan bagi kedua-dua pihak untuk menerokai peluang-peluang perniagaan bersinergi dalam aktiviti limbungan kapal dan perniagaan minyak dan gas dan kejuruteraan berat di Timur Tengah dan Timur Jauh. -- BERNAMA

LES FR OS